

Latihan 5

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan ejaan manakala petikan 2 terdapat tujuh kesalahan kata hubung. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Masalah keseimbangan badan menyebabkan seseorang itu hilang tahap kawalan keseimbangan badan atau mengalami masalah ketika berjalan atau berdiri. Terdapat pelbagai terapi fizikal yang terbukti keberkesanannya dalam merawat pesakit tersebut. BAL EX merupakan modul latihan keseimbangan badan untuk dilakukan di rumah. Modul ini merupakan modul latihan yang berasal daripada modul *Customized Cawthorne Cooksey Exercise* yang telah memuatkan beberapa pergerakan semasa melakukan solat bagi mereka yang beragama Islam (rukuk dan sujud). Satu daripada teknik rawatan optimum bagi pesakit bermasalah keseimbangan badan ialah latihan keseimbangan. Latihan yang diselia oleh ahli terapi atau ahli fisioterapi dapat memberikan impak penyembuhan yang pantas dan berkesan. Tarian Bal Ex merupakan satu teknik rawatan berbentuk tarian yang berupaya mengurangkan masalah pening yang dihidapi oleh pesakit bermasalah keseimbangan badan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Tarian Rawat Masalah Pening
Oleh Zuraida Zainun
Majalah Pendidik, Bil. 12/2020

Petikan 2

Media sosial menjadi wadah supaya mendapatkan maklumat kepada kebanyakan orang. Media sosial menjadi trend komunikasi sosial apabila menyebarkan maklumat di seluruh dunia sama ada dalam bentuk hantaran, tweet semula serta ulang kicau. Penggunaan bahasa yang tidak sesuai disebabkan keghairahan manusia menyebarkan maklumat kemudian ada kalanya tidak menghiraukan kesahihan sumber maklumat itu. Isu-isu sensitif seperti menyentuh kaum, budaya, agama dan fahaman politik pembaca bahawa terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat turut dijadikan elemen gurauan. Isu yang dipandang enteng akan meniupkan api kemarahan serta boleh menimbulkan suasana yang tegang memberikan kesan yang negatif dalam kalangan masyarakat. Sikap membenci akan menambahkan kemudaratan kepada semua pihak. Sementara tidak dibendung, masalah ini akan berlarutan hingga terbawa-bawa ke dalam alam nyata.

Dipetik dan diubah suai daripada
Bahasa Cerminan Keperibadian
Oleh Noor Azlinda Zainal Abidin
Majalah Dewan Bahasa, Bil. 10/2020

Kata hubung ialah kata yang digunakan untuk menyambung ayat tunggal supaya menjadi ayat majmuk.

- Contoh kata hubung ialah dan, serta, atau, tetapi, lalu, malahan, sambil, bahawa, yang, untuk.
- Contoh ayat yang mengandungi kata hubung adalah seperti yang berikut.
 - (i) Yusra dan adiknya gemar bermain badminton pada waktu petang.
 - (ii) Ayah mempersilakan Encik Azim masuk ke dalam rumah lalu menjemputnya duduk.

Bil.	Petikan 1	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Bil.	Petikan 2	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		
(vii)		

Bagi menjawab latihan 5, murid perlulah:

- Baca petikan dengan sebutan yang jelas supaya kesalahan ejaan dapat dikenal pasti
- Pastikan senarai kata hubung dikenal pasti terlebih dahulu dalam petikan
- Kemudian, tulis ejaan dan kata hubung yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan